

PENGUASAAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM BIDANG FEQAH DI KALANGAN PELAJAR PENGAJIAN BAHASA ARAB

Mastery of Arabic Terms in Fiqh among Students of Arabic Language Studies

MD NOOR BIN HUSSIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
mdnoor@kuis.edu.my

HUSNI BIN ABDULLAH

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
husni@kuis.edu.my

Abstrak

Bahasa Arab merupakan bahasa teras ilmu Islam dan mempunyai hubungan sangat rapat dengan semua disiplin ilmu islam terutamanya bidang Feqah. Hubungan rapat ini boleh dilihat pada keterlibatan elemen Bahasa Arab dalam penetapan hukum syarak serta perbezaan pandangan ulama pada hukum-hukum tertentu. Para ulama juga menetapkan antara syarat utama dalam berijtihad ialah kemampuan dalam ilmu Bahasa Arab. Sehubungan itu, maqalah ini dikemukakan untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar-pelajar khususnya dalam pengajian Islam terhadap istilah-istilah Bahasa Arab bidang Feqah melalui pendekatan dan kajian literasi.

Kata Kunci: Penguasaan, Istilah Bahasa Arab, Feqah, Hukum

Abstract

Arabic Language is the main language of Islamic knowledge and has a very close relationship with all disciplines of Islamic knowledge, especially in Fiqh. This relationship can be seen in the involvement of Arabic elements in the determination of Islamic *hukm* as well as differences in the views of scholars on certain *hukm*. The scholars also make decision that one of the main conditions in *ijtihad* is the ability in Arabic Language. Accordingly, this maqalah is presented to see the extent of the mastery of students, especially in Islamic studies on the terms of Arabic in Fiqh through literacy approaches and studies.

Keywords: Mastery, Terms of Arabic, *Fiqh*, *Hukm*

1.0 PENGENALAN

Bahasa Arab merupakan bahasa teras ilmu Islam dan mempunyai hubungan sangat rapat dengan semua disiplin ilmu islam terutamanya bidang Feqah. Hubungan rapat ini boleh dilihat pada keterlibatan elemen Bahasa Arab dalam penetapan hukum syarak serta perbezaan pandangan ulama pada hukum-hukum tertentu. Para ulama juga menetapkan antara syarat utama dalam berijtihad ialah kemampuan dalam ilmu Bahasa Arab. Sehubungan itu, maqalah

ini dikemukakan untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar-pelajar terhadap istilah-istilah Bahasa Arab bidang Feqah melalui pendekatan dan kajian literasi.

Dalam bidang pembelajaran berkaitan bahasa Arab dan Pendidikan Islam secara umumnya para pelajar didedahkan dengan pelbagai disiplin ilmu terutamanya yang berkait rapat dengan ilmu agama. Hal ini penting kerana bahasa Arab merupakan bahasa ibadah umat Islam dan alat memahami untuk mendalami semua cabang disiplin ilmu agama seperti feqah, hadis, tafsir dan lain-lain. Justeru penguasaan bahasa Arab perlu berada pada tahap yang memuaskan dengan kefahaman yang sebenar. Salah satu cabang disiplin ilmu yang sering dipelajari dan merupakan komponen wajib ialah ilmu feqah melalui hirarki tertentu yang telah ditetapkan oleh tempat pengajian masing-masing.

Di dalam disiplin ilmu feqah dan usulnya tidak dapat dipisahkan daripada istilah-istilah tertentu dalam bidang tersebut yang mempunyai keperluan khusus dalam menyampaikan maksud. Walaupun istilah-istilah tersebut sering kali didengar dan digunakan secara meluas namun timbul persoalan sejauh mana pelajar dapat memahami dan menguasai ruang lingkup istilah tersebut.

2.0 PENGUASAAN ISTILAH FEQAH

Penggunaan istilah adalah penting bukan sahaja untuk menggambarkan sesebuah konsep dengan jelas, malah menjadi teras untuk membina pemahaman yang tepat dan mendirikan hujah ilmiah. Istilah-istilah feqah dan usulnya diambil daripada terminologi bahasa Arab bersumberkan dalil-dalil Al-Quran, Hadith ataupun ijtihad sahabat r.a, para tabi'in dan ulama-ulama salaf. Menurut Ali Jum'ah (1996) istilah (mustolah) dibentuk oleh pakar istilah sebagai satu kesenian dan konsep untuk menyampaikan makna kepada mereka yang ditujukan atau diajarkan sesuatu suruhan atau arahan.

Oleh yang demikian ketidakfahaman atau pengabaian terhadap erti istilah yang sebenar yang dimaksudkan salafussoleh akan membawa kepada kerosakan pengamalan yang sebenarnya. Kekeliruan dalam memahami istilah-istilah feqah dan usul feqah membawa kepada implikasi isu-isu khilaf dalam kalangan umat Islam khususnya dalam amalan ibadah dan mu'amalah. Ia juga boleh menimbulkan salah tafsir terhadap konsep sebenar ajaran Islam.

2.1 Maksud Penguasaan

Penguasaan pada sudut bahasa merujuk kepada proses, cara, perbuatan menguasai, kebolehan, pemahaman atau kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan atau kepandaian. Ia juga dapat difahami sebagai kemampuan seseorang dalam sesuatu hal. Secara terminologinya penguasaan merupakan kemampuan dan kebolehan seseorang menguasai sesuatu dari sudut teori atau praktikal mengikut cara yang betul. Seseorang boleh dikatakan menguasai sesuatu apabila ia mengerti dan memahami subjek atau konsep tersebut sehingga dapat menerapkan serta mengaplikasikannya pada keadaan dan situasi tertentu.

2.2 Pengertian Istilah

Perkataan Istilah diambil dari perkataan Arab (اصطلاح). Ia merujuk kepada perkataan yang digunakan dalam bidang tertentu dan menunjukkan kepada kefahaman yang jitu dan memberi erti berkaitan bidang tersebut (Yahya, 2004). Perkataan Istilah dari segi bahasa boleh dimaksudkan dengan pendamaian (التصالح) iaitu bersepakat mewujudkan pendamaian keamanan antara mereka.

Ibrahim Mustafa (1990) dalam al-Mu'jam al-Wasit menyatakan perkataan Istilah membawa maksud kesepakatan sesuatu kumpulan atas sesuatu yang khusus, dan bagi setiap cabang ilmu itu ada istilah-istilahnya. Kalangan ulama pula memberikan pentakrifan Istilah sebagai kesepakatan sesuatu kumpulan samada sedikit atau banyak dalam menggunakan sesuatu lafaz pada makna yang tertentu lain dari makna sebenar lafaz tersebut dari segi bahasa dalam kalangan mereka. Sebagai contoh, perkataan “wajib” yang mana dari segi bahasanya bermaksud “thabit” dan “lazim”, tetapi fuqaha’ mengistilahnkannya sebagai perkara yang dijanjikan pahala bagi orang yang melakukannya dan balasan dosa bagi yang meninggalkannya (Abdul Majid Ghawri,2021).

Al-Jurjani (1405H) telah menghuraikan istilah dengan beberapa maksud antaranya;

- i) Menerangkan kesepakatan sesuatu pihak dalam menamakan sesuatu dengan nama yang dipindahkan dari kedudukannya yang terdahulu serta mengeluarkan sesuatu lafaz dari pengertian bahasa kepada pengertian yang lain bagi menyesuaikan antara kedua-duanya.
- ii) Kesepakatan sesuatu pihak dalam meletakkan sesuatu lafaz setentang dengan makna
- iii) Mengeluarkan sesuatu dari pengertian bahasa kepada pengertian yang lain bagi menerangkan maksud
- iv) Lafaz yang tertentu di antara golongan yang tertentu.

Jelasnya istilah sebagaimana yang didefinisikan di atas membawa kepada satu maksud iaitu suatu perkataan yang digunakan dan diberi pengertiannya merujuk kepada bidang pengkhususan dan golongan yang menggunakannya. Ini bersesuaian dengan pentakrifan Kamus Dewan (1997) iaitu istilah sebagai perkataan atau rangkai kata yang mempunyai erti yang jitu dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan. Justeru menurut Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (2004), dalam satu-satu bidang ilmu atau ikhtisas, ada sejumlah kata dan frasa yang mengungkapkan konsep-konsep yang khusus yang diperlukan oleh bidang ilmu atau ikhtisas berkenaan. Kata dan frasa khusus inilah yang dikenal sebagai istilah.

Dalam aspek yang lain, Istilah adalah lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas atau gabungan beberapa beberapa bentuk bebas yang gramatis dan sistematis, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar melalui jawatankuasa bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai (Norhisham 2001). Puteri Roslina (2012) memetik daripada ISO 1087 (Vocabulary of Terminology. International Organization for Standardization. Vienna: Infoterm, 1987) mentakrifkan istilah sebagai sebarang lambang konvensional bagi suatu konsep yang terdiri daripada bunyi-bunyi ujaran atau representasi tulisan.

Istilah merupakan nama atau designasi bagi konsep dalam bidang khusus. Ia boleh wujud dalam bentuk kata, ekspresi, simbol, formula, nama saintifik, akronim, atau nama rasmi jawatan, organisasi atau unit administratif. Secara ringkasnya bolehlah dikatakan bahawa istilah adalah kata atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan makna, konsep, proses, keadaan atau ciri-ciri khusus dalam bidang tertentu.

Penggunaan istilah adalah penting bukan sahaja untuk menggambarkan sesebuah konsep dengan jelas, malah menjadi teras untuk membina pemahaman yang tepat dan mendirikan hujah ilmiah. Istilah-istilah feqah dan usulnya dipetik daripada terminologi bahasa Arab bersumberkan dalil-dalil Al-Quran, Hadith ataupun ijtihad sahabat r.a, para tabi'in dan ulama-salaf.

Menurut Ali Jum'ah (1996) istilah dibentuk oleh pakar istilah sebagai satu kesenian dan konsep untuk menyampaikan makna kepada mereka yang ditujukan atau diajarkan sesuatu suruhan atau arahan. Oleh yang demikian ketidakfahaman atau pengabaian terhadap erti istilah yang sebenar yang dimaksudkan salafussoleh akan membawa kepada kerosakan pengamalan yang sebenarnya. Kekeliruan dalam memahami istilah-istilah feqah dan usul feqah membawa kepada implikasi isu-isu khilaf dalam kalangan umat Islam khususnya dalam amalan ibadah dan mu'amalah. Ia juga boleh menimbulkan salah tafsir terhadap konsep sebenar ajaran Islam.

2.3 Pengertian Feqah

Dari sudut bahasa, Feqah bermaksud al-fahmu (الفهم) iaitu kefahaman (الفهم). Ini berdasarkan doa Baginda Nabi SAW kepada Ibn 'Abbas RA:

اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: Ya Allah, berikanlah kepadanya kefahaman dalam agama. (Sahih al-Bukhari (143))

Begitu juga dengan sabda Nabi SAW:

إِنَّ طَوْلَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقِصَرَ خُطْبَتِهِ مِثْلُهُ مِنْ فَهْمِهِ فَأَطِيبُوا الصَّلَاةَ وَأَقْصِرُوا الْخُطْبَةَ

Maksudnya: Sesungguhnya lamanya tempoh solat dan pendeknya tempoh khutbah merupakan tanda kefahaman yang kukuh tentang agamanya; maka panjangkanlah solat dan pendekkanlah khutbah. (Sahih Muslim (869))

Manakala dari sudut syara' pula, para ulama mendefinisikan Feqah sebagai ilmu-ilmu berkenaan hukum-hakam syari'ah yang bersifat amali yang diambil daripada dalil-dalil syar'ie yang terperinci. (Abi Muhammad Ali, 1985)

Namun terdapat juga ulama yang memberikan definisi feqah sebagai hukum itu sendiri, bukan ilmu berkenaan hukum tersebut. Ini kerana suatu hukum yang telah sabit, maka ia disebut sebagai feqah, tanpa mengira sama ada ia diketahui ataupun tidak. (Abu Munzir al-Minyawi).

Salah seorang ulama mazhab Hanafi iaitu Imam ibn Abidin pula sewaktu mentakrifkan maksud kalimah fuqaha' menyatakan bahawa mereka merupakan kalangan yang 'alim berkenaan hukum-hakam Allah SWT sama ada dari sudut i'tiqad dan amalan. Ini kerana penamaan ilmu feqah sebagai ilmu-ilmu furu' amali merupakan istilah yang diperkenalkan oleh ulama mutaqqaddimin, sedangkan pada asalnya istilah ilmu feqah itu merangkumi hukum-hakam i'tiqad dan amalan. (Hasyiyah Ibn Abidin).

Secara umumnya, pemahaman Feqah merangkumi ilmu-ilmu berkenaan hukum-hakam syari'ah yang bersifat amali, yang diambil daripada dalil-dalil syar'ie yang terperinci, kefahaman ulama terhadap nas-nas syari'ah dan pengistinbatan hukum-hakam daripadanya, terdiri daripada hukum-hakam ijthadi, terhad kepada hukum-hakam amali. Feqah juga boleh dibahagikan kepada dua kategori:

- i) Hukum-hakam yang tsabit melalui nas yang qath'ie dari sudut tsubut dan dilalah, iaitu nas al-Qur'an atau hadith mutawatir yang mengandungi makna yang amat

- jelas dan tidak boleh ditakwil, antaranya ialah kefardhuan solat lima waktu, kefardhuan puasa Ramadhan dan kewajipan menunaikan janji.
- ii) Hukum-hakam yang tsabit melalui nas yang zhanni dari sudut tsubut dan dilalah, dan kefahaman berkenaannya terbuka untuk ijtihad oleh para ulama yang berkelayakan.

2.4 Pengertian Istilah Feqah

Istilah feqah merupakan elemen penting dalam dalam proses pengajian feqah dan Istilah itu sendiri khususnya merupakan kunci kepada ilmu dan kebudayaan (Fateh Muhammad, 2012). Pemahaman terhadap sesuatu istilah di dalam sesuatu cabang ilmu mempunyai kepentingan yang khusus kerana asas kepada sesuatu ilmu itu terbina di atas istilah-istilah yang digunakan padanya. Adalah menjadi satu kesilapan yang besar kepada sesiapa yang tidak mempunyai pengetahuan berkaitan istilah-istilah di dalam bidang yang dipelajarinya dan hanya berpegang pada pemahamannya terhadap makna dari segi bahasa semata-mata.

Istilah-istilah feqah adalah istilah-istilah yang digunakan di dalam ilmu feqah mengikut dua kategori:

Pertama: Istilah-istilah Umum, di mana istilah-istilah tersebut difahami dan disepakati oleh hampir seluruh mazhab feqah. Seperti istilah-istilah fihiyyah atau ushuliyah, contohnya pembagian hukum taklifi, ada yang diistilahkan dengan Fardh, Mandub, Haram, Makruh dan Mubah. Atau seperti pembagian hukum wadh'i yang diistilahkan dengan Rukun, Syarat, mani', Shahih, Fasid, Batal, Azimah dan Rukhshah. Istilah-istilah ini memiliki makna dan pemahaman yang sama di hampir semua kitab feqah dari berbagai mazhab.

Kedua: Istilah-istilah khusus, dalam mazhab tertentu yang hanya digunakan di dalam mazhab tertentu dan tidak di dalam mazhab yang lain. Pada zahirnya istilah tersebut kelihatan sama akan tetapi memiliki makna dan kefahaman yang berbeza. Sebagai contoh kata "al-Syeikh" di dalam literatur Feqah Mazhab Maliki merujuk kepada Ibnu Abi Zaid sementara di dalam literatur Feqah Mazhab Syafi'i merujuk kepada Abu Ishaq al-Syirazi, sedangkan di dalam literatur Feqah Mazhab Hanbali merujuk kepada Mauqifuddin Abu Muhammad Abdillah ibn Qudamah al-Maqdisi.

3.0 KEPENTINGAN ISTILAH BAHASA ARAB DALAM FEQAH HARIAN

Di dalam disiplin ilmu terutamanya ilmu agama Islam, pengetahuan, kefahaman, dan bahasa memainkan peranan penting. Ini kerana ilmu agama mempunyai hubung kait yang progresif antara pengetahuan bahasa, pemahaman ilmu dan kesempurnaan pengamalan. Relatif dengan itu istilah-istilah tertentu dalam sesuatu bahasa mempunyai keperluan khusus dalam menyampaikan maksud. Pada umumnya, pembentukan istilah terhasil melalui dua cara, iaitu dengan menggunakan bahasa asal dan meminjam istilah atau perkataan daripada bahasa lain (Zuraini Hamisan, 2002).

Penggunaan istilah adalah penting bukan sahaja untuk menggambarkan sesebuah konsep dengan jelas, malah menjadi teras untuk membina pemahaman yang tepat dan mendirikan hujah ilmiah (Tahanawi, 1963). Istilah-istilah agama yang berkaitan ilmu feqah juga memainkan peranan penting dalam kehidupan harian Muslim. Istilah-istilah feqah ini berasal dari terminologi bahasa Arab sama ada ianya berasal daripada dalil-dalil Al-Quran, Hadith ataupun ijtihad sahabat r.a, para tabi'in dan ulama-ulama feqah.

Selain dari itu, para ilmuan Islam telah membincangkan berkenaan peranan bahasa Arab dalam memahami persoalan feqah, di mana setiap istilah feqah mempunyai kaedah yang diasaskan daripada kalimah bahasa Arab itu sendiri (Nasafi, t.t.). Ali Jum'ah telah membincangkan dengan komprehensif tentang kepentingan memahami istilah usul dalam bidang feqah dan menurut beliau ilmu istilah dibentuk oleh pakar istilah sebagai satu kesenian dan konsep untuk menyampaikan makna kepada mereka yang ditujukan atau diajarkan sesuatu suruhan atau arahan.

Oleh yang demikian ketidakfahaman atau pengabaian terhadap erti istilah yang sebenar yang dimaksudkan salafussoleh akan membawa kepada kerosakan pengamalan yang sebenarnya (Ali Jum'ah, 1996).

4.0 FAKTOR PEMINJAMAN ISTILAH DARI BAHASA ARAB

Kekurangan istilah dalam bahasa Melayu merupakan faktor mengapa peminjaman berlaku untuk menyampaikan makna dan konsep yang dikehendaki. Perkembangan istilah bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh kata pinjaman dari bahasa asing termasuk Bahasa Arab. Pengkhususan di dalam bidang feqah banyak menggunakan kata pinjaman atau istilah daripada bahasa Arab kerana kaitan bahasa dengan agama yang dianuti dan kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran. Dengan adanya istilah pinjaman dari bahasa asing, maka bahasa Melayu menjadi makin mudah untuk membincangkan sesuatu perkara ataupun ilmu pengetahuan (Zuraini Hamisan, 2002).

Selain itu, peminjaman istilah juga terjadi antaranya kerana apabila sesuatu perkataan diterjemahkan, maksudnya menjadi terlalu panjang. Contohnya istilah qasar ialah 'kelonggaran yang dibenarkan bagi musafir untuk memendekkan solat fardu empat rakaat kepada dua rakaat' (Kamus Dewan, 2005) dan perkataan sembahyang diertikan di dalam kamus dewan sebagai 'perbuatan menyembah Allah s.w.t.' (Kamus Dewan, 2005). Jelas bahawa penggunaan istilah-istilah daripada bahasa Arab lebih menepati maksud dalam pengurusan keagamaan.

Perkembangan ini juga telah wujud seiring dengan faktor masa dan sejarah semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan hubungan langsung yang dijalankan di antara penduduk khususnya di Melaka dengan pedagang dari India dan Arab melalui sistem perdagangan (Zuraini Hamisan, 2002).

5.0 DAPATAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Antara kajian berkaitan penguasaan istilah Bahasa Arab dalam bidang Feqah, kajian yang telah dijalankan oleh Tengku Fatimah Muliana (2014) melibatkan pelajar-pelajar salah sebuah IPTA di Malaysia. Dapatan-dapatan penting kajian menunjukkan:

Pertama, dalam bab bersuci, majoriti responden tidak mengetahui tentang istilah-istilah bahasa Arab yang biasa digunakan dalam bab bersuci. Ia dapat diperhatikan apabila istilah hadas, mazi dan istihadhah sahaja yang mencatat peratusan melebihi 50% pada kelompok responden yang tahu. Manakala baki 7 istilah; berjunub, wiladah, istinja', dua kolah, khuf, air musta'mal, dan najis mutawassitoh mencatatkan peratusan kurang dari 50%. Dapatan ini menggambarkan ramai responden yang belum menguasai pengertian istilah-istilah yang melibatkan urusan seharian ketika bersuci. Hal keadaan ini amat membimbangkan, kerana bersuci dalam feqah merupakan kunci kepada sah atau tidaknya beberapa ibadah tertentu.

Kedua, dalam bab solat, tujuh istilah; sunat rawatib, dua marhalah, makmum masbuq, sujud sahwi, i'tidal, sunat hai'ah dan jama' taqdim menunjukkan menunjukkan kefahaman responden melebihi 50%. Walaupun begitu, terdapat 3 istilah; takbiratul ihram, syarat sah solat dan toma'ninah yang menunjukkan peratusan tidak tahu agak tinggi, iaitu melebihi 65%. Ia menggambarkan masih terdapat sebilangan besar responden yang masih tidak mengetahui tentang istilah-istilah penting dalam bab solat fardhu. Kegagalan untuk memahami istilah-istilah ini akan dapat mempengaruhi penghayatan responden di dalam solat.

Ketiga, dalam bab puasa, majoriti responden mengetahui dengan tepat istilah bahasa Arab berkaitan puasa. Hampir keseluruhan 9 istilah yang dikemukakan merekodkan peratusan yang tinggi, melebihi 50%. Namun dari jumlah tersebut, terdapat dua istilah yang termasuk dalam ibadah yang amat digalakkan ketika bulan Ramadan, iaitu iktikaf dan iftar hanya mencatat 52.0% dan 52.8%. Sebaliknya istilah tilawah yang mempunyai tuntutan yang sama dengan ibadah iktikaf mencatatkan perbezaan terlalu besar berbanding dapatan istilah iktikaf yang mencatatkan 94.4%.

Secara keseluruhannya kajian mendapati istilah-istilah bahasa Arab dalam bab puasa merekodkan peratusan tinggi dikalangan pelajar bagi istilah-istilah yang mereka fahami dan ketahui berbanding dengan istilah-istilah dalam bidang bersuci dan solat. Keadaan ini agak membimbangkan kerana kedua-dua bab ini merupakan aspek utama dalam ibadah dan memainkan peranan penting dalam kehidupan Muslim. Ia dapat dilihat apabila ulama'-ulama' feqah menyusun kedua bab ini pada awal penulisan mereka (Syirbini, 1994).

Kelima, skor min yang dicatatkan menunjukkan bahawa secara puratanya, pengetahuan pelajar tentang istilah bahasa Arab dalam bidang feqah adalah sederhana. Ini juga menggambarkan secara puratanya, boleh dikatakan tahap pengetahuan pelajar yang terlibat sebagai responden tidaklah boleh dibanggakan dan tidak juga membimbangkan.

Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan beberapa dapatan yang dikongsikan, bahawa pengetahuan pelajar terhadap istilah bahasa Arab dalam bidang feqah secara keseluruhannya adalah masih di tahap sederhana. Hasil kajian juga mendapati pelajar yang berada dalam aliran agama masih belum menjamin pengetahuan yang benar dalam istilah-istilah bahasa Arab dalam bidang feqah. Justeru, pengkaji mengharapkan kajian yang telah dijalankan dapat membantu pihak penggubal kurikulum dan tenaga pengajar di peringkat sekolah menengah biasa atau sekolah menengah agama untuk menambah baik metode dalam pengajaran dengan memberi lebih penekanan kepada pengetahuan dan kefahaman istilah tertentu yang masih di tahap sederhana di kalangan majoriti pelajar. Kaedah pengajaran yang lebih komprehensif dan berkesan terutamanya bagi pelajar yang tiada asas Bahasa Arab akan menyumbang kepada keberkesanan pemahaman dan pengamalan terhadap ibadah-ibadah tunggal dalam agama.

Kajian berkaitan juga telah dijalankan oleh Muhammad Mazlan (2015) melibatkan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah feqah yang terdapat di dalam Buku Teks Pendidikan Islam KBSR. Bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah feqah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR dengan lebih mendalam, 10 soalan telah dikemukakan yang berkait rapat dengan penguasaan murid terhadapnya iaitu pengetahuan dan kefahaman murid berkaitan istilah-istilah feqah, keupayaan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi serta penglibatan murid dalam pdp berkaitan istilah-istilah feqah.

Peringkat pengetahuan merupakan peringkat terendah dalam tingkatan domain kognitif yang memerlukan murid mengingati kembali perkara yang dipelajari sebelumnya terutamanya fakta-fakta asas sesuatu pelajaran. Dapatan menunjukkan bahawa sebahagian besar murid berjaya menguasai peringkat asas dalam domain kognitif yang berkaitan dengan asas fardhu ain.

Kajian juga menumpukan kepada aspek pengajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh serta faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran murid melibatkan murid-murid sekolah rendah dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam adalah sederhana terkesan daripada beberapa faktor berkaitan pengajaran dan pembelajaran guru.

Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi murid terhadap istilah-istilah fiqh dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah tersebut serta hubungan antara persepsi murid terhadap pengajaran dan pembelajaran guru berkaitan istilah-istilah fiqh dengan tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah tersebut. Selaras dengan dapata yang terhasil, pengkaji telah mengemukakan cadangan untuk perhatian pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pihak Pengurusan dan para pendidik bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan murid terhadap istilah-istilah fiqh.

Secara umumnya, tahap penguasaan murid terhadap istilah fiqh berkaitan ibadah yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSR secara umumnya berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati kebanyakan murid mempunyai persepsi yang positif terhadap keberadaan istilah tersebut dalam Pendidikan Islam. Justeru persepsi tersebut harus dipupuk menjadi minat dan motivasi bagi murid untuk terus mendalami dan menguasai istilah-istilah tersebut secara keseluruhannya. Pengkaji menyarankan pendekatan serta pendedahan yang pelbagai perlu diberikan penekanan dalam usaha menjadikan murid lebih berminat dan merasa seronok untuk mempelajari dan mendalaminya di sekolah.

5.1 Penguasaan Pelajar Pengajian Bahasa Arab

Pengkaji mendapati belum terdapat kajian secara berfokus melibatkan penguasaan pelajar pengajian Bahasa Arab terhadap istilah-istilah Feqah. Justeru, kajian yang sedang dijalankan diharapkan mampu melihat secara objektif aspek penguasaan ini di kalangan mereka. Walaubagaimanapun, secara umumnya, terdapat pendedahan secara langsung dan tidak langsung di kalangan pelajar melalui silibus-silibus Bahasa Arab yang diajarkan yang berkonsepkan teks-teks Islami dalam pengajaran dan pembelajaran.

6.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian berkenaan penguasaan pelajar terhadap istilah-istilah Bahasa Arab dalam bidang Feqah yang telah dijalankan menunjukkan, ianya berada pada tahap sederhana. Justeru ia memerlukan kepada kajian-kajian susulan untuk melihat secara lebih mendalam terhadap aspek-aspek yang berkaitan. Begitu juga, perlunya satu kajian secara spesifik melibatkan pelajar-pelajar dalam bidang pengkhususan Bahasa Arab.

RUJUKAN

- Ali Juma'ah. (1996). *Al-Mustolah Al-Usuliy wa Musykilah Al-Mafahim*. c.1, Kaherah: Ma'had Al-'Alami lil Fikr Al-Islami.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (2004), *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fatih Muḥammad Sulayman, (2012), *Mustalah Al-Fikr Al-Muasir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim Mustafa (1990), *al-Mu`jam al-Wasit*, Jil. 1, Istanbul: Dar al-Da`wah.
- Kamus Dewan. (2005). ed. 4, c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my.
- Muhamad Mazlan Bin Abdul Majid, (2015), *Penguasaan Istilah Fiqh Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Kajian Di Sekolah-Sekolah Rendah Dalam Zon Pudu, Wilayah Persekutuan*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad al-Syirbini Al-Khatib. (t.t). *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*. j. 2, Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- Nor Hisham Osman (2001), *Perancangan Bahasa*, Shah Alam: Al-Hikmah Sdn. Bhd)
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2012), *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sayyid Abd al-Majid al-Ghawri (2012), *Mu`jam al-Mustalahat al-hadithiyah*, Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Sulayman Ibn Muhammad Ibn 'Umar al-Bujayrimi. (1996). *Tuhfat al-Habib 'ala Sharh al-Khatib*. j. 1, 2 & 3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib al-Syirbini. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. j. 1, 2 & 3, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Syh Noorul Madihah Syed Husin, Sumayyah Abdul Aziz, (2014), *Pengetahuan Pelajar Unisza Terhadap Istilah Bahasa Arab Dalam Bidang Fikah*, The Online Journal of Islamic Education (OJIE), Vol 2, Edisi 2.
- Yahya Murad. (2004). *Ittihaf al-Birriyyah bi al-Ta'rifat al-Fiqhiyyah wa al-Usuliyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2010), [//muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4056-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-44-perbezaan-antara-syariah-dan-fiqh](http://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4056-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-44-perbezaan-antara-syariah-dan-fiqh)
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2010). *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Subang Jaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Zuraini Hamisan. (2002). *Peminjaman Istilah Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.